
E-BULETIN

HOSPITAL BANTING

EDISI 2017



HOSPITAL BANTING

LAPORAN TAHUNAN

2017

Seleksi Kandungan

2017



Kata Aluan Pengarah Hospital	01
Aktiviti Bahagian Pengurusan	02
Aktiviti Perubatan (Klinikal)	10
Maklum Balas Pelanggan	17
Info Kesihatan	18
Sudut Hiburan	20

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
& salam sejahtera,*



Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita berpeluang menerbitkan e-Buletin Hospital Banting bagi edisi tahun 2017. Penerbitan ini merupakan salah satu wadah penting dalam menyampaikan maklumat terkini berkaitan aktiviti, pencapaian serta program yang telah dilaksanakan oleh warga Hospital Banting sepanjang tahun.

Tahun 2017 menyaksikan pelbagai usaha penambahbaikan dilaksanakan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada masyarakat. Seiring dengan visi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melahirkan masyarakat yang sihat, Hospital Banting komited untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan, mengutamakan keselamatan pesakit serta memperkukuh kerjasama antara staf, pesakit dan komuniti.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja Hospital Banting atas dedikasi, komitmen dan kerjasama yang tidak pernah mengenal penat lelah dalam memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada para penyumbang, rakan strategik serta masyarakat sekitar yang sentiasa memberikan sokongan terhadap usaha hospital ini.

Akhir kata, saya berharap agar e-Buletin ini dapat dijadikan sumber rujukan, inspirasi dan motivasi kepada kita semua untuk terus berusaha memperkasa perkhidmatan kesihatan di Hospital Banting. Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan membawa manfaat serta keberkatan kepada seluruh warga kerja dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Dr. Sabrina Binti Che Ab. Rahman
Pengarah
Hospital Banting

AKTIVITI BAHAGIAN PENGURUSAN

LAPORAN
TAHUNAN
2017

Ceramah Kefahaman Islam
Peringkat Hospital Banting



Program Apresiasi Hari Kebesaran Islam:
Ceramah Sempena Maulidur Rasul



Program Interaktif@ Islam:
Kuliah Muslimat Bulanan Berkitab



Majlis Khatam Bacaan Al-Quran Perdana
Peringkat Hospital Banting



Rewang Bubur Lambuk Peringkat Hospital Banting



Majlis Iftar Warga Hospital Banting Bersama Anak Yatim/Miskin Rumah Penyayang Bestari, Kampung Sungai Buaya, Banting



Program Ibadah Qurban Kasih Ummah 1438H/2017M, Peringkat Hospital Banting yang dilakukan pada 2 September 2017 (Sabtu) bertempat di Garaj Bersebelahan Pejabat Rehabilitasi, Hospital Banting





Training of Trainer (TOT)
Pengurusan Solat/Ibadah Pesakit,
Peringkat Hospital Banting



Program Ziarah Ukhuwah Perdana Ke Wad-Wad Hospital Banting. Ahli JKHMI yang terlibat mengedarkan risalah/buku panduan yang berkaitan kemudahan solat/ibadah kepada pesakit/waris pesakit. Dilakukan pada 8 Jun 2017 (Khamis).

Program di lakukan di Wad 1-Wad 6, ICU & HDU



Perlaksanaan Bacaan Doa Pagi dan Pengumuman Masuk Waktu Solat Fardhu Melalui Interkom, dilakukan bermula 2 Januari 2017



Bacaan Doa Semasa Pertukaran Syif dan Bacaan Doa Sebelum Pembedahan Bermula

AKTIVITI BAHAGIAN (KLINIKAL)

LAPORAN
TAHUNAN
2017



Pameran Kenali Ubat Anda Bersama DUTA Kenali Ubat Anda yang diadakan di Kolej MARA Banting, Politeknik Banting, SJK Tamil Telok Datok, Masjid Kampung Kachong Darat, & Masjid Jamiul Ehsani, Sijangkang



Pelancaran Program 'Road to World Pharmacist Day' Peringkat Negeri Selangor yang diadakan di Tesco Jenjarom, Banting





Program 'Know Your Medicine Explorace' yang dijalankan di sekitar Banting





Sambutan Hari Raya Aidilfitri
Jabatan Kecemasan



Program CME



Medical Stand By



Kursus Kawalan Infeksi



Kursus Pengurusan Bencana dan Fire Drill



Kursus Basic Life Support



Lawatan ke Rumah Pesakit Bagi Kes Bantuan Praktik dan Terapi Sokongan

MAKLUM BALAS PENGHARGAAN



My father was admitted to Ward 5 Hospital Banting about 2 months ago. Our family feel terrible since father admitted then transfer to Klang due to high fever. I would like to say thank you for one good staff at Ward 5. Thank you to **Staff Nurse Syakirah** for her good service and explanation. We feel good regarding her explanation and nursing care towards my father. She deserves to be at community and giving good services



- Khoo-

INFO KESIHATAN



hari diabetes sedunia

14 November 2017

Wanita dan Diabetes :
Kesihatan Kita, Milik Kita, Hak Kita



Pengurusan
berat badan



Jaga pemakanan



Melakukan
aktiviti fizikal



Makan ubat mengikut
nasihat doktor



Pemantauan paras
gula dalam darah
secara berkala



Kawal tekanan darah
dan paras kolesterol

CARA MENGAWAL DIABETES



Ditabikan oleh:
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



INFO KESIHATAN

#KekalSihat



Kumpulan Berisiko Semasa

JEREBU



Keadaan jerebu yang berterusan memberi kesan buruk kepada semua terutama golongan yang berisiko tinggi seperti:



Warga Emas



Kanak-kanak



Perokok



Mereka yang sentiasa bekerja di luar (persekitaran terbuka)




Pesakit Asma, Bronkitis, Radang paru-paru, penyakit paru-paru yang kronik, jantung & alahan

SEGERA DAPATKAN RAWATAN DI FASILITI KESIHATAN JIKA TIDAK SIHAT

SUDUT HIBURAN

Buah-buahan Tempatan



Across

5. Buahnya bulat tapi menggererutu, banyak dijual oleh penjaja, keras-keras bukannya batu, enak dikunyah begitu sahaja.

7. Rasanya manis bukan kepalang, bila masak warnanya hitam, dari luar boleh dibilang, berapa banyak isi di dalam.

8. Pokoknya rendah tidaklah tinggi, daunnya panjang berduri pula, ada mata tiada gigi, buah apakah tunasnya di kepala.

10. Kulitnya keras berduri pula, bila dimakan enak sekali, bila masak kuning warnanya, raja buah gelaran diberi.

Down

1. Kulit dan isi seakan nangka, sekali cuba tentulah hendak, buah apa cuba teka, digoreng panas rasanya enak.

2. Tumbuh merayap di atas bumi, kecil bijinya bulat buahnya, manis sekali tidak teperi, merah dan kuning warna isinya.

3. Dari jauh tidaklah jelas, sudah dekat jadi sebutan, hendak dimakan kulit dipulas, manis rasanya bukan rambutan.

4. Ditanam orang merata ceruk, rupa dan bentuk berbagai jenis, buah yang muda dibuat jeruk, rasanya bercampur manis dan masam.

6. Isinya lembut kuning memerah, bijinya banyak hitam warnanya, tak kira musim ia berbuah, bulat membujur itulah bentuknya.

9. Batangnya lembut daunnya lebar, sungguh mudah hendak ditebang, di merata tempat sudah tersebar, di goreng panas enak dihidang.

EDISI 2017

DITERBITKAN OLEH:



Hospital Banting, Jalan Sultan Alam Shah, 42700
Banting, Selangor.

Tel: +603 3187 1333

Faks: +603 3181 8834

Emel: hospitalbanting@moh.gov.my